

**PEJABAT PELAJARAN DAERAH JASIN,
77000 JASIN, MELAKA**

Pejabat Am : 06-5292878 / 06-5292664 / 06-5296901
Faksimili : 06-5291037 (PENTADBIRAN)
: 06-5293932 (KEWANGAN)
E-mail : ppdjasin@ppdjasin.edu.my
Laman Web : <http://www.ppdjasin.edu.my>



Rujukan Kami : PPDJ/UPK700-16/6/1(15)
Tarikh : 28 JUN 2010

Pengetua Sekolah Menengah Daerah Jasin

Tuan,

JEMPUTAN AKTIVITI PROMOSI KESIHATAN SEMPENA HARI TANPA TEMBAKAU

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Aktiviti Promosi Kesihatan Sempena Hari Tanpa Tembakau akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh	: 29 Jun 2010 (Selasa)
Masa	: 8.00 pagi – 1.00 petang
Tempat	: SMK Datuk Bendahara

3. Oleh yang demikian, tuan-tuan, guru-guru dan para pelajar **dijemput hadir** ke program tersebut.

4. Bersama-sama ini kami lampirkan Surat Kelulusan Program daripada pihak Jabatan Pelajaran Melaka untuk panduan dan rujukan pihak tuan. Maklumat lanjut sila hubungi En. Tuah b. Talip KU PPK PPDJ (06 5292878).

5. Kerjasama tuan/puan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,


(YUSOFF BIN AHMAD)
Pegawai Pelajaran Daerah
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin

SK 1. Fail



JABATAN PELAJARAN MELAKA
JALAN ISTANA,
PETI SURAT No. 62,
75450 MELAKA

Pengarah : 06-2323782
Timbalan : 06-2323781
Pejabat Am : 06-2323777
06-2323778
06-2323779
Peperiksaan : 06-2323780
Fax : 06-2320500

JPM. SPS.UPP.100-2/5/1 Jld. 7()

Tarikh : 18 Jun 2010

Dr. Ismail bin Ali
Pakar Perubatan Kesihatan Awam
Pegawai Kesihatan Daerah
Pejabat Kesihatan Daerah Jasin
77000 Jasin
Melaka.

Tuan,

**KELULUSAN MENJALANKAN AKTIVITI PROMOSI KESIHATAN SEMPENA HARI TANPA
TEMBAKAU.**

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada surat tuan PKD/M 0128 () bertarikh 8 Jun 2010 mengenai perkara di atas.


2. Sehubungan itu, Jabatan Pelajaran Melaka memberi kebenaran pihak tuan untuk menganjurkan program di atas dan tertakluk kepada syarat-syarat berikut :

- 2.1. Mendapat kebenaran / persetujuan daripada Pengetua sekolah.
- 2.2. Pelajar-pelajar yang terlibat perlulah mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada ibu bapa / penjaga.
- 2.3. Pelajar dan warga sekolah tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini.
- 2.4. Keselamatan dan kebajikan murid serta guru pengiring yang terlibat dengan program ini hendaklah sentiasa diutamakan dan diawasi dengan teliti oleh pihak penganjur.
- 2.5. Penyertaan warga sekolah dan murid-murid hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
- 2.6. Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan sekolah.
- 2.7. Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk menanggung semua kos penglibatan murid dan guru pengiring dalam program yang dianjurkan.

- 2.8 Mengundang sekolah-sekolah adalah urusan pihak penganjur dan kebenaran pelepasan pelajar adalah selepas waktu persekolahan.
3. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dipohon dan pada 29 Jun 2010.
4. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Haji Shahidin bin Mohd Shah di talian 2325530 (Unit Perhubungan dan Pendaftaran). Sekian untuk makluman dan perhatian tuan. Terima kasih.

'MALAYSIA. MELAKA MAJU 2010'
" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah.



(HAJI ASHARI BIN JOHARI)
Ketua Sektor Pengurusan Sekolah
b/p Pengarah Pelajaran Melaka

s.k.

1. Ketua Sektor Pengurusan Pembangunan Kemanusiaan
2. Pegawai Pelajaran Daerah Jasin
3. Fail penyelarasan